

Membina Kemahiran Menulis

Alinda Ahmed

alinda_ahmed@moe.edu.sg

Sharifah Ayyoo Ali

Sekolah Rendah Compassvale
sharifah_ayyoo_ali@moe.edu.sg

Abstrak

Membina kemahiran menulis dalam kalangan murid merupakan satu cabaran bagi guru dalam mengajar penulisan kreatif. Kemahiran menulis merupakan komponen penting dalam penulisan kreatif. Murid sering menghadapi kesukaran mengolah cerita dengan kreatif beserta ayat-ayat yang gramatis. Kami telah berjaya menerbitkan buku panduan bagi kegunaan guru dan pelajar. Ia mengandungi pelbagai strategi yang dapat digunakan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Pakej yang disasarkan bagi murid peringkat darjah 5 & 6 ini telah dimanfaatkan dengan sepenuhnya oleh guru dan juga murid. Pelbagai strategi kemahiran menulis yang merangkumi rancangan pengajaran, slaid *Powerpoint* bagi setiap rancangan pengajaran, rubrik dan hasil kerja lengkap murid telah disediakan dalam pakej ini. Bagi guru, pakej ini merupakan bahan sokongan dalam pengajaran mereka. Sementara bagi murid pula, ia merupakan bahan rujukan yang dapat digunakan agar dapat menulis dengan lebih berkesan. Dapatan kajian menunjukkan peningkatan dalam kualiti penulisan murid dan murid didapati lebih yakin dan dapat menulis dengan lebih kreatif.

Kata kunci

Penulisan Kreatif, Kemahiran Menulis, Pakej

PENGENALAN

Kemahiran menulis merupakan satu kemahiran yang penting yang perlu dikuasai oleh murid. Keupayaan murid untuk menulis dengan baik membolehkan mereka menyampaikan idea, pendapat dan perasaan dengan jelas dan berkesan. Dalam hal ini, adalah penting bagi guru menggunakan pelbagai strategi dan teknik untuk membina keupayaan murid dalam menguasai kemahiran menulis dengan baik.

PERNYATAAN MASALAH

Ketidakupayaan murid menulis karangan dengan baik merupakan satu perkara yang amat membimbangkan. Murid biasanya isi karangan yang mendatar dan kurang menarik dikesan dalam penulisan mereka. Karangan yang dihasilkan pelajar juga tidak kreatif dan hanya tertumpu pada gambar-gambar yang disediakan dalam kertas peperiksaan. Murid tidak dapat mengupas isi setiap gambar yang diberi dengan baik. Oleh yang demikian, pakej ini bertujuan untuk membantu murid dalam membina kemahiran menulis yang berkesan dan kreatif.

Peringkat yang diuji bagi menghasilkan pakej ini adalah murid di peringkat darjah 5 dan 6. Setiap guru menjalankan sesi pengajaran dengan menggunakan teknik penulisan yang dikhususkan bagi murid yang terlibat dalam kajian yang dijalankan.

TUJUAN KAJIAN

Fokus pengajaran dengan penggunaan pelbagai teknik adalah supaya murid didedahkan kepada pelbagai jenis teknik penulisan karangan. Guru berusaha untuk menyediakan pakej yang dapat membimbing murid dalam membina kemahiran menulis dengan lebih kreatif dan menarik. Tujuan pakej disediakan adalah:

1. sebagai bahan sokongan untuk guru dalam mengajar kemahiran penulisan kreatif; dan
2. meningkatkan kemahiran menulis murid dalam penulisan karangan agar lebih kreatif dan menarik.

KAJIAN LITERATUR

Menurut Baptiste Barbot (2011), penulisan ialah satu proses yang berulang dan melibatkan kemahiran kognitif dan metakognitif untuk menghasilkan pencapaian akademik dan vokasional. Mendidik murid dalam penulisan kreatif ialah mendorong

mereka untuk menulis imaginasi mereka. Ini akan menjadi sebahagian daripada proses kreativiti yang dapat membantu dalam semua komponen penulisan mereka.

Ann Raimes(1983) berpendapat bahawa untuk menghasilkan karangan yang baik, jelas dan sedap dibaca, guru perlu mengajar kepada murid beberapa perkara yang seperti berikut.

- Mengenal pasti pembaca (audiens sasaran)
- Mengetahui tujuan penulisan
- Mengaitkan isi karangan atau penulisan dengan tujuan atau tajuk karangan, iaitu jelas, logik dan menarik minat orang yang membacanya
- Mempunyai kemahiran mengolah atau menyampaikan isi karangan dengan teratur, kemas dan padat
- Mempunyai kemahiran memilih istilah atau perkataan yang tepat dan berkesan dalam karangan
- Mempunyai kemahiran dalam aspek penggunaan bahasa yang betul seperti tatabahasa, ejaan, penggunaan tanda baca dan syarat-syarat penulisan

Dr Abbas Bin Md Shariff berpendapat bahawa terdapat pelbagai kegiatan yang boleh merangsang pemikiran murid untuk menjana idea untuk menulis dengan baik seperti perbincangan, perbincangan dan sumbang saran yang dijalankan secara terancang dan terperinci. Teknik merupakan cara yang lebih khusus untuk menjayakan pengajaran di bilik darjah. Antara teknik yang telah digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran bagi penghasilan pakej ini ialah teknik dialog, imbas kembali, langsung, pemerian dan suspens.

Berdasarkan pandangan beberapa tokoh ini, maka guru menyediakan bahan-bahan berdasarkan teknik yang diusulkan dalam sesi pembelajaran dan pengajaran penulisan karangan yang dijalankan. Sesi pembelajaran dan pengajaran yang berlangsung merupakan satu pengalaman yang bermanfaat bagi guru, murid dan sekolah, secara amnya.

Hasil peningkatan dalam keputusan markah karangan bagi peperiksaan SA2 berbanding dengan peperiksaan SA1 telah mendorong guru untuk menghasilkan pakej ini. Pakej ini dikongsi dengan guru dan pelajar dari sekolah-sekolah dalam kelompok kami.

Data bagi peperiksaan dan juga hasil kerja harian murid yang terlibat telah menunjukkan prestasi yang memberangsangkan. Pakej ini merupakan satu sumbangan yang besar dalam sesi pembelajaran dan pengajaran menulis

karangan. Murid berjaya menghasilkan karangan yang lebih kreatif dan bermutu.

KAEDAH KAJIAN

Guru mendedahkan murid kepada pelbagai kaedah pengajaran yang dipilih. Teknik-teknik yang digunakan dalam sesi pembelajaran dan pengajaran dipelbagaikan dengan pelbagai strategi yang sesuai. Markah peperiksaan SA1 dan SA2 yang diperoleh murid menjadi kayu ukur dalam keberkesanan pakej ini. Contoh-contoh hasil penulisan murid yang baik dilampirkan dalam buku panduan murid agar dapat dikongsi dengan murid yang lain.

SUBJEK KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi murid darjah 5 dan 6 yang mempunyai pelbagai tahap kemahiran.

INSTRUMEN KAJIAN

Markah peperiksaan SA1 dan SA2 digunakan bagi mengukur keberkesanan sesi pembelajaran dan pengajaran yang dijalankan. Hasil kerja latihan murid di dalam bilik darjah juga dipantau oleh guru. Guru mengubah suai bahagian yang perlu sepanjang sesi pembelajaran dan pengajaran dijalankan.

PROSEDUR KAJIAN

Kajian ini dijalankan sepanjang beberapa sesi yang dipecahkan kepada bahagian yang tertentu seperti bahagian permulaan, isi dan penutup karangan. Guru menjalankan sesi pengajaran dengan menggunakan pelbagai teknik yang dikhususkan buat murid. Sepanjang sesi pembelajaran, murid terlibat secara aktif dalam sesi yang dijalankan.

Hasil kerja murid dikumpul dan dikongsi sama dengan murid yang lain. Data markah peperiksaan SA1 dan SA2 dianalisis dari segi perubahan markah isi karangan yang dihasilkan oleh pelajar yang terlibat.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan hasil yang memberangsangkan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa murid berupaya menulis dengan kreatif dengan menggunakan pelbagai teknik yang diajarkan.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa guru lebih efektif dalam pengajaran dengan bantuan sokongan yang telah disediakan. Sementara murid telah dapat menghasilkan karangan yang lebih kreatif dan bermutu. Murid juga berasa yakin untuk menghasilkan penulisan mereka.

Murid bebas memilih strategi yang sesuai untuk penulisan mereka. Proses pembelajaran yang dilalui oleh murid berlangsung secara santai dan ini membantu murid dalam meresapi sesi pengajaran dengan lebih efektif. Dengan pelbagai bahan sokongan yang disediakan, guru dapat menyampaikan pengajaran dengan lebih mudah dan berkesan.

Jadual 1: Keputusan Markah

Peringkat	Peningkatan Markah
5 (42 murid)	73%
6 (48 murid)	80%

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, pakej ini berjaya membantu dan menyokong guru dalam sesi pengajaran. Melalui sesi pengajaran yang menarik dan menggunakan pelbagai teknik yang diajar, murid berjaya didedahkan dengan pelbagai genre penulisan karangan.

Peningkatan markah dapat dilihat dalam kertas peperiksaan pertengahan dan akhir tahun murid. Guru juga merasakan bahawa sesi pengajaran lebih terarah dan dapat membimbing murid dengan lebih baik dalam pengajaran penulisan karangan.

Secara profesional, guru telah berjaya menghasilkan buku panduan untuk kegunaan murid dan guru dalam penulisan karangan. Sebagai penutup, aspek yang paling penting yang ingin dimanfaatkan adalah agar murid dapat menulis dengan menggunakan teknik yang pelbagai. Guru juga telah berjaya menarik minat murid dan membimbing mereka agar sesi pembelajaran menjadi

lebih menarik dan menyeronokkan.

Nota

Guru-guru lain yang terlibat dalam kajian ini:

1. Haslina Abu Bakar
2. Siti Nor Ain Abdul Rahim
3. Syahirah Nabilah Md Salleh
4. Widawati Hanafiah

RUJUKAN

Curriculum Planning and Development Division, 2008. Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu. Singapore: Ministry of Education.

Gail E. Tompkins, 1999. Teaching Writing Balancing Process and Product, New Jersey: Pearson

Johnson, D. W., Johnson, R. T. & Holubec, E. J. (1990). Circle of learning: Cooperation in the Classroom. (3rd ed.). Edina, Minnesota: Interaction Book Co.

Johnson, D.W. & Johnson, R.T. (1993). Cooperation in the Classroom. (6th ed.).

Edina, MN: Interaction Book Co. Kagan, S. (1992). Cooperative Learning. San Juan Capistrano: Kagan

SUMBER INTERNET

<http://mahirfikir.wordpress.com/mari-berfikir-2/teknik-teknik-pengajaran/>

<http://mahirfikir.wordpress.com/mari-berfikir-2/teknik-teknik-pengajaran/>